

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD. SALIM SHARIF
[JEMPOL]**

SOALAN

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan status semasa pembinaan dan menaik taraf jalan luar bandar di kawasan perkampungan Orang Asli Jempol, khususnya di Kampung Orang Asli Sungai Klebang serta Kampung Orang Asli Panchor.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat,

1. Pada tahun 2020, JAKOA akan melaksanakan projek pembinaan jalan perhubungan desa di Kampung Orang Asli Sungai Raya, Jempol. Proses perolehan telah dilaksanakan dan dijangkakan kerja-kerja fizikal pembinaan akan bermula pada Ogos 2020.
2. Jalan perhubungan ke Kampung Orang Asli Sungai Klebang dan Kampung Orang Asli Panchor merupakan laluan utama merentasi ladang persendirian. Projek boleh dipertimbang untuk pelaksanaan sekiranya mendapat kebenaran izin lalu dari pemilik ladang berkaitan. Walau bagaimanapun, kaedah pencegahan perlu dipersetujui oleh pihak-pihak terlibat bagi memastikan kerosakan jalan dapat dielakkan dari berlaku kerana penggunaan kenderaan ladang yang keluar-masuk membawa hasil pertanian.

Sekian, terima kasih.